

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4/12/2018

**PERBALAHAN DI TAPAK KUIL**

## Dr Siti Hasmah sebak lihat keadaan Adib

BH - 4/12/2018 m/s 18

[FOTO JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA]

**Kuala Lumpur:** Isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang meluangkan masa kira-kira 30 minit melawat Muhammad Adib Mohd Kassim, di Institut Jantung Negara (IJN), di sini, pagi semalam, menitikkan air mata ketika melihat keadaan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) itu.

Beliau yang tiba jam 9.50 pagi, sempat mendengar sendiri penerangan doktor pakar yang merawat Muhammad Adib mengenai keadaan dan perkembangan terkini anggota daripada Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya itu.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Mohamad Hamdan Wahid, berkata Dr Siti Hasmah turut meluangkan masa dengan ahli keluarga Muhammad Adib.

**Doa Adib segera sembuh**

"Beliau meluangkan masa kira-kira 30 minit mendengar taklimat doktor pakar untuk mengetahui perkembangan terkini berkaitan rawatan dijalankan.

"Dr Siti Hasmah juga berdoa semoga Muhammad Adib segera sembuh dan berharap keluarganya bersabar atas kejadian yang berlaku ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kedatangan Dr Siti Hasmah disambut Timbalan Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Abu Obaidat Mohamad dan wakil pegawai kanan IJN, Datuk Dr Ezani Md Taib serta keluarga Muhammad Adib.

Pada kejadian jam 1 pagi Selasa lalu, Muhammad Adib yang pergi memadam kebakaran kereta di luar Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya bersama pasukannya, dilaporkan cedera diserang perusuh.

Dia yang duduk di bahagian penumpang hadapan unit EMRS dikatakan ditarik keluar kumpulan perusuh sebelum dipukul.

Mohamad Hamdan berkata, Dr Siti Hasmah juga berterima kasih kepada IJN yang bertungkus-lumus merawat Muhammad Adib, selain menghargai kakitangan JBPM yang bertugas di IJN kerana menguruskan dan memastikan kebajikan keluarga Muhammad Adib sepanjang tempoh rawatan.



**Dr Siti Hasmah menyatakan sesuatu** kepada ahli keluarga Muhammad Adib ketika melawat anggota JBPM di IJN Kuala Lumpur, semalam.